

**B
A
B
E
M
P
A
T**

RUMUSAN
DAN
CADANGAN
PENYELESAIAN
HAK ASASI MANUSIA
DI MALUKU
BERDASARKAN
SIASAH SYAR'ITYYAH

BAB 4: RUMUSAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

4.1: Pendahuluan

Persoalan hak asasi manusia bukanlah suatu perkara baru kerana ianya telah diperbincangkan sejak ratusan tahun dahulu dan percero bohannya juga tidak pernah berhenti di mana-mana. Memahami perkara inilah, Allah telah memberi garis panduan selengkapnya melalui ajaran Islam yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w, tentang hak-hak asasi bagi manusia.

Apa yang berlaku di Ambon, Maluku merupakan salah satu daripada ratusan pencerobohan hak asasi manusia dan ia suatu perkara yang sepatutnya dapat dielak dan dihindari, kerana selama puluhan tahun sejak Indonesia merdeka tidak pernah terjadi konflik besar-besaran yang melibatkan dua puak beragama ini. Hakikatnya terdapat banyak sebab-sebab luaran mahupun dalaman tercetusnya konflik. Mungkin dengan adanya konflik ini, menyedarkan pihak-pihak yang terlibat juga pemerintah Indonesia agar lebih berhati-hati dalam menangani persoalan penganut kedua-dua agama tersebut.

Dalam bab ini, penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan daripada apa yang telah dikaji oleh penulis pada keseluruhan bab serta cadangan-cadangan bagi menyelesaikan masalah yang berlaku di Maluku kini berdasarkan kaedah-kaedah siasah syar'iyah berkonsepkan prinsip hak asasi manusia dalam Islam.

4.2: Rumusan Dan Kesimpulan

Persoalan tentang hak atau kebebasan asasi manusia menjadi satu persoalan penting dalam perkembangan politik sesebuah negara. Sejarah perjuangan hak asasi manusia yang telah berlaku berabad-abad lamanya menyebabkan hak-hak ini diiktiraf melalui peruntukan perlembagaan bagi negara-negara moden hari ini. Bahkan ia merupakan prinsip penting pelaksanaan sistem politik hari ini. Ini kerana hak-hak ini merupakan sesuatu yang lahir secara semulajadi bersama-sama lahirnya manusia ke dunia ini.

Dalam Islam, hak asasi manusia telah lama diperjuangkan dan diperbincangkan, oleh para fuqahā'. Manakala konsep hak dalam Islam adalah sesuatu yang unggul kerana ianya lahir dari konsep kemuliaan dan kehormatan. Jaminan hak asasi yang diberi oleh Islam merupakan suatu hak yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia. Sebarang pencabulan terhadap hak ini dianggap sebagai pengengkaran dan dosa yang boleh dikenakan hukuman. Dengan erti kata lain, hak-hak ini ada batasannya yang boleh ditarik balik apabila manusia melanggar undang-undang Allah.

Walau bagaimanapun, Islam tidak pernah membatasi hak-hak istimewa manusia pada batas-batas geografi negeranya sahaja. Islam telah menetapkan beberapa hak dasar bagi setiap manusia yang mesti ditegakkan dan dihormati dalam setiap situasi, samada yang tinggal di wilayah negara Islam atau tidak, baik dalam keadaan damai atau perang. Malahan dalam keadaan perang, Islam

tidak mengizinkan penindasan terhadap wanita, anak-anak, orang tua, orang sakit dan orang-orang yang cedera. Kehormatan dan kesucian wanita mesti selalu dijunjung tinggi. Mereka yang kelaparan mesti diberi makan, yang telanjang diberi pakaian dan yang cedera atau sakit dirawat sebaik-baiknya tanpa melihat adakah mereka anggota masyarakat Islam atau dari pihak musuh. Hak dan ketetapan ini telah diletakkan oleh Islam sebagai hak dasar kepada manusia kerana statusnya sebagai manusia.

Prinsip hak asasi manusia dalam Islam lahir lebih awal daripada perisytiharan-perisytiharan barat. Di mana, Perlembagaan Madinah menjadi titik tolak kepada sebuah undang-undang bertulis yang mengakui hak-hak ini. Kemudian diikuti dengan Khutbah Haji Wida'. Semuanya menyentuh mengenai prinsip-prinsip asas hak asasi manusia, antaranya, ialah persamaan, kebebasan, keadilan dan perlindungan.

Persamaan bererti setiap manusia di muka bumi ini adalah sama, tiada lebih dan kurang, sesuatu apapun, hanya ketaqwaan sahaja yang dapat membezakan manusia di sisi Allah. Selanjutnya untuk mewujudkan ketaqwaan kepada Allah, manusia memerlukan kebebasan. Dengan kebebasan ini manusia boleh melakukan segala suruhan Allah demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Untuk menikmati kesemua itu, manusia sebagai khalifah Allah perlu adil dalam menjalankan undang-undangNya, agar yang salah tetap dihukum dan yang teraniaya di bela. Ini bertujuan untuk melindungi mana-mana pihak yang tidak bersalah. Perlindungan ini amat penting, agar manusia tidak ditindas

dan diperlakukan sesuka hati oleh pihak-pihak yang mempunyai kuasa dan kepentingan.

Dengan mempunyai sumber utama yang mutlak iaitu Al-Quran dan al-Sunnah hak asasi Islam lebih syumul dan fleksibel. Iaitu ia merangkumi segala aspek kehidupan manusia seperti hak untuk hidup, hak kehormatan diri, hak memiliki harta benda, hak kebebasan dalam beragama, kebebasan dalam bersuara, hak mendapatkan pendidikan, hak mendapatkan tempat tinggal serta kemudahan asas untuk hidup. Hak-hak ini pula diberikan kepada seluruh manusia tidak kira Islam atau bukan, lelaki mahupun wanita, dewasa ataupun kanak-kanak, bahkan tiada yang terkecuali. Dengan erti kata lain, setiap insan berhak menikmatinya, kerana dia bernama insan. Walaupun kesemua hak ini dikurniakan oleh Allah secara mutlak namun ianya boleh ditarik balik apabila manusia melanggar undang-undang serta batasan yang telah ditetapkan olehNya. Peraturan-peraturan ini tidak pernah berubah di mana-mana juga di muka bumi ini. Di sinilah yang dikatakan kesyumulan dan fleksibiliti hak asasi dalam Islam. Manakala hak asasi yang diakui oleh barat, hanya merangkumi hak-hak tertentu yang boleh berubah-ubah mengikut selera manusia sahaja.

Untuk melihat kepada praktikaliti hak asasi manusia dalam dunia moden hari ini, penulis telah memilih Maluku sebagai bahan kajian lapangan. Ini kerana Maluku merupakan salah satu dari 27 wilayah di bawah Kesatuan Republik Indonesia, yang memiliki lebih kurang 2.1 juta penduduk. Ia di kenali sebagai daerah seribu pulau merupakan sebuah wilayah yang merangkumi 1027 buah

pulau. Penduduknya terdiri daripada berbagai bangsa dan agama. Kota Ambon merupakan ibukota pentadbirannya yang terletak di Pulau Ambon dan berada di Maluku Tengah. Agama terbesar di Maluku ialah Islam dan Kristian.

Terdapat sedikit keunikan dari segi sejarah kepulauan Maluku sewaktu kemerdekaannya pada tahun 1945, di mana Belanda datang semula dan cuba bertapak kembali di Maluku dengan membawa gagasan Republik Indonesia Serikat dan mewujudkan pemberontakan Republik Maluku Selatan (RMS) serta berusaha memisahkan Maluku dari Kesatuan Republik Indonesia. Namun gagasan ini terbantut dan telah ditumpaskan oleh Tentera Nasional Indonesia pada tahun 1950 kerana tiada sokongan padu dari seluruh umat Islam. Tetapi usaha ini tidak terhenti setakat itu sahaja bahkan perancangannya tetap diteruskan, inilah kemudiannya menjadi salah satu punca kepada terjadinya konflik di Maluku. Ini kerana pendokong utama kepada Republik Maluku Selatan ialah penganut agama Kristian.

Pada 19 Januari 1999, terjadilah titik hitam bagi Kota Ambon, Maluku. Konflik yang berpunca dari perkelahian individu, telah menjadi perang agama antara dua penganut agama terbesar di Kota Ambon. Di mana penganut agama Kristian bercita-cita untuk menjadikan Maluku sebuah negara Kristian merdeka dan bebas sebagaimana yang terjadi kepada Timor Timur, lanjutan dari gagasan Republik Maluku Selatan di atas.

Untuk memenuhi maksud itu, berbagai program telah diatur seperti mewujudkan budaya '*pela gandong*', mengasingkan perkampungan penduduk Islam dan Kristian, penganut agama Kristian juga memulakan usaha mereka dengan menguasai dan memonopoli keperluan ekonomi jutaan penduduk Indonesia di mana mereka telah mendominasi berbagai-bagai sektor seperti media, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan tentera. Kesemuanya ini bertujuan untuk mengukuhkan cengkaman Kristian kepada negara berpenduduk Islam terbesar di dunia. Di samping, terdapat banyak faktor-faktor kecil lain yang menyebabkan kejayaan program kristianisasi dan usaha pemisahan wilayah di Indonesia, umpamanya:¹

- a. Konflik dan pertentangan yang wujud dikalangan kumpulan-kumpulan Islam khususnya dua pertubuhan Islam terbesar di Indonesia iaitu Nahdhatul Ulama' dan Muhammadiyah.
- b. Pembunuhan keatas '*ulama*', ustaz dan orang-orang Islam di sesetengah wilayah di Indonesia semakin menjadi-jadi.
- c. Kemunculan kumpulan separa tentera seperti *Kumpulan Merah* di bawah Benny Doro² di Maluku, yang terlibat secara langsung memerangi orang-orang Islam.
- d. Tekanan dari negara-negara Barat ke atas Indonesia, melalui institusi-institusi antarabangsa kerajaan seperti United Nation,

¹ *Impact International* (2001) What method in Chaos? A creeping Christian takeover, vol 31, 17 mac 2001, h: 18

² Nama sebenar beliau ialah Bernard Bitjara, beliau merupakan Kapitan Halmahera, didakwa sebagai antara orang yang telah banyak membunuh ribuan warga muslim di Pulau Halmahera Utara serta melarang orang-orang Islam dari tinggal di Halmahera dan di dakwa terlibat dalam kes penyalahgunaan wang cengkik milik petani di Wilayah Tobelo. Beliau menubuhkan Kumpulan Merah untuk menentang umat Islam yang dikenali sebagai Kumpulan Putih di Maluku.

International Monetary Fund, Bank Dunia dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Selain daripada itu, sistem politik Indonesia juga menyumbang sedikit sebanyak kepada terjadinya berbagai konflik. Di mana pada akhir 1999, Indonesia muncul sebagai sebuah negara yang telah berjaya memasuki era demokrasi selepas lebih daripada empat abad berada di bawah pemerintahan diktator Presiden Sukarno dan Presiden Suharto.³ Pilihanraya bebas telah dijalankan untuk mencari wakil Dewan Perwakilan Rakyat . Majlis Permesyuaratan Rakyat, merupakan institusi yang agak unik di Indonesia, bersama ahli Dewan Perwakilan Rakyat dan golongan agama telah memilih presiden baru iaitu Abdul Rahman Wahid (dipanggil Gus Dur) dan wakil presiden, Megawati Sukarnoputri, anak perempuan kepada presiden pertama Indonesia, Sukarno, untuk sesi 1999-2004.⁴ Naiknya Gus Dur, memberi gambaran kepada penganut Kristian bahawa Indonesia akan menjadi sebuah negara Islam tulin.

Dua tahun kemudian, Gus Dur dianggap Presiden yang gagal samada untuk menangani masalah dalaman negara mahupun hubungan antarabangsa. Kejatuhan ini sebenarnya berpunca dari pilihan Gus Dur sendiri kerana beliau enggan untuk bertindak sebagai ahli politik yang mengamalkan demokrasi, di mana beliau cuba untuk memerintah menggunakan sistem diktator semula. Beliau kemudian diganti oleh Megawati Sukarnoputri.

³ R. William Liddle (2000), Indonesia In 1999, dalam *Asian Survey*, vol XL, no. 1, January/February 2000, Universiti of California Press, h: 32

⁴ R. William Liddle (2001), Indonesia In 2000, dalam *Asian Survey*, vol XLI, no. 1, January/February 2001, h: 208

Sebagaimana diketahui umum, Megawati Sukarnoputri banyak didukung oleh golongan Kristian dalam Partai Demokratik Indonesia- Perjuangan (PDI-P). Terlantiknya Megawati memberi ruang yang lebih luas terjadinya konflik di Maluku, di tambah dengan kejatuhan matawang dan ekonomi telah mengakibatkan masyarakat semakin tersepit. Kelemahan penganut agama Islam juga memberi kesempatan kepada penduduk Kristian untuk mengatur langkah menjayakan cita-cita mereka. Walaupun masyarakat Ambon terdiri dari masyarakat majmuk, namun mereka gagal untuk membendung perasaan prasangka sesama penganut agama yang berbagai itu. Mereka cuba mengamalkan budaya '*pela gandong*'⁵ dan program pancasila bagi menyatupadukan masyarakat. Namun semuanya gagal mengawal kemaraan penganut agama Kristian untuk menguasai Ambon dan Maluku.

Tragedi yang bermula pada hariraya pertama tahun 1999 itu, telah mengakibatkan banyak korban samada dari pihak Islam mahupun penduduk Kristian sendiri. Setelah tiga tahun konflik berlalu, 10,000 orang telah menjadi korban pertelingkahan. 692,000 orang menjadi penghuni penempatan pelarian dan sehingga akhir tahun 2000, 193 million rupiah harta benda telah musnah. Walaupun Darurat Sivil telah diisytiharkan pada Julai 2000 dan telah banyak perjanjian damai ditandatangani seperti perjanjian 'akhbar' dan sebagainya, namun segala usaha itu belum menampakkan hasil.

⁵ Rujuk dalam Bab 2 dan 3 tentang makna '*pela gandong*'.

Di antara bentuk-bentuk pencerobohan yang telah dilakukan ialah pencerobohan politik di mana penganut agama Kristian mahu menjadikan Kepulauan Maluku sebagai sebuah negara Kristian merdeka, sedangkan Kepulauan Maluku masih di bawah kekuasaan Indonesia. Pencerobohan lainnya ialah pencerobohan sosial yang melibatkan penafian hak untuk hidup, hak kehormatan diri, mendapatkan pendidikan, mendapatkan keamanan hidup dan memiliki harta benda.

Penulis juga dapati tidak ada bantuan langsung dari badan-badan antarabangsa sebagaimana yang dilakukan kepada negara-negara lain yang mengalami masalah yang sama, cuma Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ada menghulurkan dana bagi membantu pelarian dan membangun semula beberapa kemudahan awam dan tempat tinggal. Begitu juga dari pihak Pemerhati Hak Asasi Manusia (*Human Rights Watch*) yang sentiasa mendesak Presiden dan wakil Presiden Indonesia supaya segera menyelesaikan konflik, agar hak asasi manusia tidak terus dicerobohi.

Terlalu banyak deklarasi dan perisytiharan hak asasi manusia di dunia, namun ianya gagal membendung dan menyelesaikan persoalan ini, di sudut manapun di dunia. Perisytiharan-perisytiharan itu langsung tidak diendahkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam konflik, bahkan dianggap seperti tidak pernah wujud. Ini kerana tiadanya badan khusus yang boleh dipertanggungjawabkan untuk memantau perlaksanaan segala deklarasi tersebut. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diharapkan menjadi badan yang mengawal dan mengatasi

masalah, umpama '*harapkan pagar, pagar makan padi*' dan '*umpama musang berbulu ayam*' kerana merekalah yang sebenarnya menjadi dalang di sebalik segala pencerobohan hak asasi manusia di dunia, bertopengkan berbagai alasan kemanusiaan dan keamanan.

Indonesia merupakan sebuah negara Islam yang hampir 90% penduduknya adalah beragama Islam. Namun pengamalan hak-hak asasi manusia berlandaskan Islam tidak berlaku bahkan undang-undang utama negara itu juga bukanlah undang-undang yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Maka tidak mustahillah apabila hak asasi manusia Islam tidak diamalkan sepenuhnya. Lantaran itu wujudlah perasaan tidak puas hati dan curiga di kalangan penduduk yang bukan beragama Islam.

Kesemua ini membuktikan bahawa hak asasi manusia dalam Islam yang termaktub dalam Al-Quran dan al-Sunnah, jauh lebih baik dari segala deklarasi yang ada. Walaupun tidak ada penguatkuasa hakiki seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, namun ajaran Islam meletakkan soal balasan dosa, pahala di hari akhirat sebagai badan pemerhati segala tindak tanduk manusia.

4.3: Cadangan-cadangan bagi penyelesaian masalah di Maluku

Setelah tiga tahun konflik berlaku dan telah banyak usaha dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam konflik untuk menghentikannya, namun setakat hari ini, kesemua usaha itu belum menampakkan hasil memuaskan terutama di

Maluku Tengah. Mangsa pencerobohan hak asasi manusia, semakin meningkat dari hari ke sehari. Jumlah pelarian juga bertambah. Di sini penulis menurunkan beberapa cadangan dalam usaha menamatkan konflik yang berlaku. Cadangan penyelesaian ini adalah berlandaskan kaedah siasah syar'iyah, iaitu dengan mengetengahkan prinsip-prinsip siasah syar'iyah yang menepati keperluan perlindungan hak asasi manusia seperti keadilan, persamaan, perpaduan, perbincangan (syura) dan kebebasan sebagaimana yang telah di sentuh dalam Bab 1. Antara cadangan penyelesaian tersebut ialah:

4.3.1: Menyelesaikan masalah golongan pemberontak

Hak asasi manusia dalam Islam mempunyai tujuan antaranya ialah untuk memastikan tertegaknya keadilan di muka bumi Allah ini dan wujudnya sikap hormat menghormati di antara sesama manusia. Islam juga diturunkan untuk mewujudkan kesejahteraan sejagat, bukan untuk menindas sesama sendiri.

Konflik dan pemberontakan yang berlaku merupakan suatu masalah yang akan menghapuskan keamanan dan kedamaian yang dikehendaki oleh Allah dan seluruh umat manusia. Keadilan tidak akan tercapai dan manusia akan sentiasa saling memusuhi.

Oleh kerana itu, wajiblah pihak berkuasa bertindak tegas dalam menangani masalah pemberontak yang terlibat dalam memula dan menyemarakkan lagi konflik tersebut. Pihak-pihak yang terlibat dalam melakukan

keganasan hendaklah diadili berdasarkan kesalahan yang telah mereka lakukan, agar perbuatan jahat mereka dapat dibendung dan sekaligus menghapuskan punca segala pemberontakan.

Tindakan ini bertepatan dengan prinsip keadilan yang telah dibincangkan oleh penulis dalam Bab 1 sebelum ini kerana keadilan merupakan perkara penting dan utama dalam kehidupan dan dengannya manusia akan menemui kebenaran dan keseimbangan. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شَتَانُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Surah Al Maidah (5) : 8

Pihak berkuasa juga mestilah menghukum pihak pemberontak yang terbukti terlibat melakukan pencabulan ke atas hak asasi manusia, selaras dengan

hak perlindungan yang telah dijamin oleh Allah, contohnya melalui hukum hudud dan qisas yang bertujuan memberikan jaminan terhadap kesejahteraan hidup manusia, untuk mencapai matlamat keadilan bagi mangsa pembunuhan yang tidak berdosa atau dcederakan, juga bagi anak-anak yang kehilangan ahli keluarga serta mereka yang kehilangan harta benda. Segalanya itu perlukan pembelaan. Allah berfirman dalam al-Quran:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ
 بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَن تَصَدَّقَ
 بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَن لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ
 الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

Dan kami telah tetapkan atas mereka, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa dan mata dibalas dengan mata dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga dan gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Surah Al Maidah (5): 45

Firman Allah lagi:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

Dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertakwa.

Surah Al Baqarah (2): 179

Berdasarkan konsep ini, pelaksanaan hukuman hudud dan qisas ini, tidak mengira samada pemberontak itu terdiri dari pihak Islam atau Kristian.

4.3.2: Mengadakan usaha damai, dimulai dengan sikap maaf memaafkan, diikuti perundingan dan menandatangani perjanjian serta keperluan kepada pihak ketiga untuk menyertainya.

Wakil Presiden, Hamzah Haz dalam acara *Halal Bihalal* di Balai Sudirman, Jalan Sahardjo, Jakarta Selatan, pada hari Selasa, 8.1.2002 yang lalu menyatakan bahawa punca persengketaan Maluku sangat rumit, oleh kerana itu, setiap pihak yang terlibat hendaklah saling memaafkan kesalahan masing-masing⁶ dan melupakan apa yang telah berlaku, dengan cara itu sahajalah masyarakat Maluku dapat bersatu kembali.⁷

Semua pihak haruslah bekerjasama mencari penyelesaian kepada konflik Maluku. Tidak hanya menyerahkan persoalan itu sepenuhnya kepada pemerintah, Tentera Nasional Indonesia dan pihak polis, inilah juga cadangan Menkosospolkam Susilo Bambang Yudkoyono semasa pelancaran buku "*Merajut Damai di Maluku*" di Hotel Millenium Jakarta pada 30.10.2001 yang lalu. Beliau

⁶ Eramuslim.com, <http://www1.erasuslim.com/article/articleview/6742> pada 11/1/2002

⁷ Maluku2000, <http://www.maluku2000.org/nl/default.asp?actueeloptie=newsflits&id=368> pada 9/1/2002

menambah, penyelesaian masalah Maluku bukanlah dengan cara pengasingan dari Kesatuan Republik Indonesia.⁸

Dari kedua-dua cadangan di atas, nyata bahawa masyarakat Maluku hendaklah berusaha bersama mencari penyelesaian, tidak hanya menunggu tindakan dari pihak berwajib untuk memula dan menghentikan konflik, kerana walau bagaimana kuatpun usaha yang dilakukan oleh pihak berwajib tetapi jika masyarakat Maluku sendiri tidak mahu perdamaian dan penyelesaian dijalankan, maka masalah tidak akan selesai. Sehubungan dengan itu juga, perlulah diadakan perundingan dan perbincangan yang boleh membantu menuju kearah memahami keperluan, kemahuan dan batas-batas kehidupan yang ada di antara pihak-pihak yang terbabit.⁹ Firman Allah:

وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka

Surah Al Syura (42) : 38

Kedamaian dan keamanan hidup dalam masyarakat merupakan matlamat utama dalam Islam. Untuk itu, Islam telah menyediakan hak-hak asasi bagi setiap individu dan masyarakat samada bagi umat Islam atau bukan Islam. Islam tidak pernah mengajarkan konsep permusuhan yang membawa kemusnahan sejagat. Oleh itu, perundingan dan duduk di satu meja ini, pastinya akan membawa banyak perubahan serta manfaat kerana melaluinya akan dicapai kata sepakat

⁸ Eramuslim.com, <http://www1.eraslim.com/article/articleview/6742> pada 11/1/2002

⁹ Temubual dengan *En. Munawar Abdul Jalil*, Ketua/Konsulat Central Informasi Referendum Aceh di Malaysia pada 27.12.2001 di APIUM.

tentang punca dan cara penyelesaian masalah. Setiap pihak diberi peluang untuk menyatakan pendapat mereka bagi menyelesaikan konflik yang berlaku. Ianya sesuai dengan konsep kebebasan bersuara dan memberi pendapat dalam hak asasi manusia.

Haruslah dijauhkan perasaan prasangka dan membenci di antara sesama penganut berlainan agama. Ketakutan dan kebimbangan bahawa Indonesia akan menjadi sebuah negara Islam tulen, tidak bermakna mereka akan dihapus atau dimusnahkan, ini kerana Islam juga mengiktiraf kewujudan warganegara bukan Islam serta mereka mempunyai hak yang mutlak, tidak boleh diganggu gugat oleh masyarakat Islam seperti hak kebebasan beragama dan mengamalkan agamanya. Bahkan sistem Islam lebih baik dari segala sistem ciptaan manusia dalam menangani persoalan kenegaraan.

Kaedah ini juga amat bersesuaian dengan prinsip siyasah syar'iyah, di mana hak kebebasan beragama merupakan hak yang dijamin kepada seluruh warganegara bukan Islam. Pemerintah atau mana-mana pihak tidak boleh memaksa orang bukan Islam supaya memeluk agama Islam. Firman Allah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ

Maksudnya:

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).

Surah Al Baqarah (2): 256

Oleh kerana konflik ini merupakan konflik agama, maka keperluan setiap pihak untuk memahami dan mengetahui sensitiviti penganut agama lain. Prinsip siasah syar'iyah mengiktiraf kebebasan dari sudut kemasyarakatan di mana setiap individu memiliki kebebasan yang tidak boleh dicabuli sewenang-wenangnya tetapi tetap tertakluk kepada landasan undang-undang. Diharapkan dengan perundingan dan pemahaman ini, akan mewujudkan perpaduan dan saling hormat menghormati sesama penganut berlainan agama.

Islam menjamin keselamatan orang bukan Islam di dalam sesebuah negara Islam, selama mana mereka tidak memerangi orang Islam. Dan untuk memantapkan perundingan yang dilakukan, perlulah dimetrai perjanjian antara pihak-pihak yang berbalah.¹⁰ Rasulullah S.A.W pernah memberi contoh terbaik apabila baginda berpindah ke Madinah dan antara perkara awal yang dilakukan olehnya ialah memeterai perjanjian dengan orang-orang Madinah dan Yahudi, yang lebih dikenali sebagai "Perlembagaan Madinah". Ia bertujuan untuk mencapai kata sepakat dalam mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara.¹¹

Untuk itu, segala perjanjian yang bakal ditanda tangani hendaklah merupakan undang-undang jaminan bertulis terhadap penguatkuasaan sistem keadilan Islam. Penguatkuasaannya hendaklah tegas dan berkesan. Perlu dicari jalan untuk memastikan setiap perjanjian tidak dijadikan bahan gurauan. Bagi perjanjian di Maluku ini, hendaklah melibatkan pihak Islam, Kristian, tokoh

¹⁰ *Temubual pada 11/1/2002* di Hospital Pakar Ampang Puteri, jam 12.00 tengahari. (Nama dirahsiakan atas permintaan).

¹¹ Rujuk Bab 1, hal. 10-11.

agama yang lain, tokoh adat, tokoh pemimpin masyarakat, anggota polis serta tentera, pihak dari kerajaan pusat sebagai saksi perjanjian.

Kerajaan pusat di Jakarta atau mana-mana pihak yang difikirkan perlu umpama OIC atau badan-badan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan, Pemerhati Hak Asasi Manusia dan seumpamanya boleh dijadikan pihak-pihak pendamai dan seterusnya berfungsi sebagai salah satu pihak yang memastikan setiap perjanjian yang ditandatangani dipatuhi. Dengan syarat tidak wujud pilih kasih atau diskriminasi dalam penguatkuasaannya.

Selain daripada itu, pihak-pihak yang bersengketa juga hendaklah bersungguh-sungguh dalam mencari jalan penyelesaian, agar konflik akan dapat ditamatkan dengan segera. Kerana semakin lambat penyelesaian dicapai, ianya akan memakan banyak mangsa yang tidak berdosa.

Dan berdasarkan berita terakhir di Maluku pada 12hb. Februari 2002 yang lalu, menyatakan bahawa kedua-dua belah pihak Islam dan Kristian mahu mengakhiri persengketaan yang telah memakan masa tiga tahun dan mengakibatkan korban hampir 10,000 orang itu dengan perjanjian damai, ini dinyatakan sendiri oleh Menteri Kebajikan Indonesia, Yusuf Kalla, semasa menjadi Pengerusi Perbincangan yang diadakan di antara kedua pihak yang bertelingkah di Malino, Selatan Sulawesi. Mereka mahu keadaan kembali aman dan tenteram, mengembalikan segala harta benda, memanggil kembali para

pelarian untuk pulang ke rumah asal mereka, bersama-sama mewujudkan keamanan dan membina kembali wilayah Maluku.¹² Ini merupakan perkembangan yang baik, bagi menyelesaikan persengketaan yang telah berlaku sekian lama.

4.3.3: Membangunkan Maluku secara seimbang dan mengikut acuan Malaysia

Hak mendapatkan pembangunan yang seimbang bagi semua pihak yang ada di Maluku, adalah suatu yang pasti. Islam menolak diskriminasi terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira agama, bangsa atau apa juga latarbelakangnya. Setiap orang lelaki mahupun wanita, muslim atau kafir, bangsawan juga rakyat biasa adalah sama tarafnya di sisi Allah dan hak mereka dijamin. Hak ini dijamin dalam prinsip persamaan Islam, kerana dari konsep inilah wujudnya rasa hormat menghormati sesama manusia.¹³

Semua penduduk adalah mempunyai peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan. Mereka juga memiliki hak untuk menguasai pelajaran dan pendidikan bahkan mempunyai hak yang setaraf di sisi undang-undang. Islam tidak mengiktiraf perbezaan fizikal dan lahiriah seperti pangkat, keturunan, bangsa, warna kulit dan sebagainya itu sebagai halangan untuk mendapatkan pembangunan yang seimbang, terutama terhadap kemudahan infrastruktur yang

¹² Christian, Muslim sign Peace Treaty, 12. 2.2002, Selasa jam 7.28 pagi Waktu Indonesia Barat, http://story.news.yahoo.com/news?tmpl=story&u=ap/20020212/ap_on_re_as/indonesia_maluku_peace_10_pada_13/2/2002

¹³ Rujuk konsep persamaan dalam Bab 1.

dijalankan bagi kemajuan penduduk, kerana ini akan menjadikan masyarakat Maluku '*berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah*'.

Wujudnya perasaan dan sikap perkauman ('asabiyah) dalam membangunkan masyarakat merupakan suatu yang amat dibenci oleh Allah kerana ia akan membawa kemusnahan.

Pada hakikatnya, hak persamaan yang dijamin oleh Islam juga merangkumi hak dalam bidang politik seperti hak untuk memilih, hak mengundi serta hak menjawat jawatan yang dibenarkan dalam negara. Begitu juga dalam bidang ekonomi dan sosial, sebagaimana yang telah disentuh dalam Bab 1.

Untuk itu, pemimpin-pemimpin di Maluku boleh menjadikan kerajaan Malaysia sebagai contoh dalam mendidik rakyatnya supaya sentiasa bertolak ansur dan saling faham memahami diantara sesama penduduk yang berbilang bangsa dan agama ini¹⁴. Kerajaan Malaysia telah berjaya menyemai masyarakatnya agar hidup dalam penuh harmoni, di mana antara program yang telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia menuju ke arah itu ialah program integrasi national dengan mencampur adukkan penduduk yang berbilang bangsa itu dalam satu kelompok yang berbagai, memperkenalkan seluruh masyarakat kepada budaya dan adat bangsa yang lain, menjelaskan sensitiviti sesuatu kaum kepada kaum yang lain dan menganjurkan program-program budaya serta adat sesuatu bangsa kepada bangsa yang lain. Kerajaan Malaysia telah berjaya

¹⁴ Berita Harian, Selasa, 19 Februari 2002, h. 4

menyemai sikap toleransi beragama di mana upacara dan perayaan kebesaran masyarakat pelbagai kaum di negara ini disambut oleh setiap penganut tanpa banyak masalah.¹⁵

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pula sentiasa memperkenalkan kepada seluruh masyarakat Malaysia tentang budaya dan adat beberapa masyarakat tertentu di Malaysia agar dapat mewujudkan persefahaman dan saling menghormati budaya masyarakat lain. Suasana ini akan sekaligus menyemaikan rasa kasih sayang sesama penduduk walaupun berlainan agama dan bangsa. Budaya '*pela gandong*' yang diamalkan hendaklah diganti dengan budaya yang lebih sesuai dengan sensitiviti agama dan anutan masing-masing, namun ianya tetap tidak menghapuskan amalan kemasyarakatan sebenar.

4.3.4: Mengukuhkan aqidah umat Islam serta menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna

Cara penyelesaian yang seterusnya ialah dari sudut mengukuh dan memperteguhkan aqidah umat Islam sendiri supaya mereka tidak mudah dicerobohi oleh pengaruh-pengaruh negatif dari luar sehingga boleh merosak dan memporak perandakan kesatuan umat Islam. Masyarakat Islam di Maluku hendaklah menjadikan ajaran Islam sebagai amalan hidup seharian, kerana kelemahan dalaman masyarakat sendiri telah mengundang persengketaan yang timbul. Umat Islam juga semestinya menjadi umat teras yang merupakan contoh

¹⁵ Dari Meja Massa, "Mencontohi Toleransi Malaysia" dalam Majalah *Massa*, bil 329, 15 Februari 2002

terbaik kepada seluruh bangsa lain, sesuai dengan ajaran yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai

Surah al Imran (2): 103

Firman Allah lagi menyatakan:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ
مِنْكُمْ ۖ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat.

Surah An Nisa' (5): 59

Berdasarkan cadangan-cadangan penyelesaian yang digariskan di atas diharap konflik yang telah berlarutan hampir empat tahun itu dapat ditamatkan secepat mungkin.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya dapat dikatakan bahawa hak asasi manusia hendaklah dihormati dan dihargai kerana ianya merupakan milik kepada semua manusia yang dikurniakan oleh Allah. Tiada apa yang lebih bernilai bagi seluruh manusia kecuali hidup dalam keadaan aman dan dihormati, bahkan tiada sesiapa pun juga yang mahu hidup dalam keadaan melarat dan ditindas. Oleh itu, usaha untuk menyelesaikan masalah di Ambon, Maluku merupakan usaha bersama bukan sahaja kepada seluruh pihak di Maluku dan pemerintah Indonesia tetapi juga negara-negara lain. Kita tidak lagi boleh mendabik dada mengatakan ia bukan masalah kita tetapi, bantuan kemanusiaan amat diperlukan bagi meringankan beban pelarian, golongan yang tidak berdosa yang telah menjadi mangsa.

Segala bentuk pencerobohan hendaklah dihentikan kerana keganasan-keganasan ini akan memberikan kesan berpanjangan dan kesusahan kepada penduduk tempatan mahupun generasi akan datang. Selain daripada itu, ia juga mengundang kebinasaan kepada pembangunan dan masa depan negara serta membuka peluang campurtangan dari kuasa asing.

Oleh kerana itu, antara jalan utama menyelesaikan konflik yang berlaku ialah perundingan dan perjanjian persefahaman, dengannya manusia akan dikawal oleh undang-undang. Rasulullah saw sendiri semasa pemerintahan baginda di negara Islam pertama Madinah juga pernah melaksanakan perjanjian yang

melibatkan semua kaum di bawah pemerintahannya, yang dikenali sebagai Perjanjian Madinah (Perlembagaan Madinah). Perjanjian ini akhirnya dapat melahirkan sikap saling bertanggungjawab untuk mempertahankan negara mereka yang tercinta dari dicerobohi musuh. Sikap inilah yang hendak diwujudkan dalam jiwa setiap warga negara kerana dengannya setiap individu berusaha menghindari perselisihan sesama sendiri. Selain daripada itu, sikap tolak ansur amat penting ke arah keharmonian masyarakat.